
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2000/2001

April/Mei 2001

MAT 202 – Pengantar Analisis

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua **EMPAT** soalan. Semua soalan membawa markah yang sama.

...2/-

1.(a) Diberi set $A = \{p, q, r\}$. Adakah set hasil darab $A \times I^+$ terbilangan? Berikan alasan.

(b) (i) Andaikan S adalah subset nombor nyata yang bukan kosong dan $\sup S = a$. Buktikan bahawa wujud suatu jujukan $\{x_n\} \subset S$ yang menumpu ke a .

(ii) Andaikan set $S = \left\{ (-1)^n \frac{n-1}{n} \mid n \in I^+ \right\}$. Dapatkan $\inf S$ dan $\sup S$.

Berikan satu jujukan dalam S yang menumpu ke $\sup S$.

(c) Andaikan set S seperti yang diberikan dalam bahagian (b)(ii) di atas dan $g : B \rightarrow S$ suatu fungsi. Jika fungsi g bersifat satu dengan satu, adakah set B terbilangan? Berikan alasan.

2.(a) Diberi $A = \left\{ \frac{n}{2n+1} \mid n \in I^+ \right\} \cup [2, 4]$.

(i) Cari A° .

(ii) Cari A' .

(iii) Adakah set A tertutup? Berikan alasan.

(iv) Dapatkan set B sebagai set tertutup yang terkecil yang mengandungi set A .

(b) Fungsi $h : [a, b] \rightarrow \mathbb{R}$ selanjar pada $[a, b]$ dan fungsi $F, G : [a, b] \rightarrow \mathbb{R}$ ditakrifkan sebagai

$$F(x) = \int_a^x h(t) dt,$$

$$G(x) = \int_x^b h(t) dt, \quad x \in [a, b].$$

(i) Dapatkan $F'(x)$ dan $G'(x)$.

(ii) Jika $F(x) = G(x), \quad \forall x \in [a, b]$, buktikan bahawa $h(x) = 0, \quad \forall x \in [a, b]$.

(c) Andaikan fungsi $f : \mathbb{R} \rightarrow \mathbb{R}$ selanjar pada \mathbb{R} , set T tertutup pada \mathbb{R} dan $S = f^{-1}(T)$.

(i) Adakah set S tertutup?

(ii) Jika jujukan $\{a_n\} \subset S$ menumpu ke a , buktikan bahawa $a \in S$.

3.(a) Jujukan $\{a_n\}$ ditakrifkan sebagai

$$a_1 = 6,$$

$$a_{n+1} = \frac{a_n}{3 + a_n}, \quad n = 1, 2, \dots$$

- (i) Tunjukkan bahawa $a_n \geq 0$, $n = 1, 2, \dots$
 - (ii) Tunjukkan bahawa jujukan $\{a_n\}$ menyusut.
 - (iii) Adakah jujukan $\{a_n\}$ menumpu? Berikan alasan.
Jika ya, dapatkan $\lim_{n \rightarrow \infty} a_n$.
 - (iv) Dapatkan $\inf\{a_n\}$ dan $\sup\{a_n\}$.
- (b) (i) Andaikan $h : \mathbb{R} \rightarrow \mathbb{R}$ selanjar pada $a \in \mathbb{R}$ dan $h(a) > 0$. Tunjukkan bahawa wujud $\delta > 0$ dan $K > 0$ supaya
- $$h(x) > K, \quad \forall x \in J(a; \delta).$$
- (ii) Diberi fungsi $f, g : [c, d] \rightarrow \mathbb{R}$ adalah selanjar dan $f(x) \leq g(x)$, $\forall x \in [c, d]$. Jika terdapat $a \in [c, d]$ dengan $f(a) < g(a)$, buktikan bahawa
- $$\int_c^d f(x)dx < \int_c^d g(x)dx.$$
4. Nyatakan sama ada setiap pernyataan berikut benar atau salah. Jika pernyataan itu benar buktikannya dan jika pernyataan itu salah berikan satu contoh untuk menunjukkan ia salah.
- (i) Set S adalah subset nombor nyata yang tak kosong. Maka $\sup S$ jika wujud adalah unik.
 - (ii) $\{I_n\}$ merupakan suatu jujukan selang dengan $I_1 \supset I_2 \supset \dots \supset I_n \supset \dots$. Maka $\bigcap_{n=1}^{\infty} I_n \neq \emptyset$.
 - (iii) $\{f_n\}$ adalah suatu jujukan fungsi yang menumpu pada $[a, b]$ ke fungsi f . Jika setiap fungsi $f_n : [a, b] \rightarrow \mathbb{R}$ adalah selanjar pada $[a, b]$, maka f juga selanjar pada $[a, b]$.
 - (iv) $\{a_n\}$ adalah suatu jujukan dalam \mathbb{R} dan $\{b_n\}$ jujukan yang ditakrifkan sebagai

$$b_n = (a_n)^2, \quad n \in I^+.$$

Jika $\{a_n\}$ adalah jujukan Cauchy, maka $\{b_n\}$ ialah juga jujukan Cauchy.